



KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

GARIS PANDUAN PENGGREDAN SPA

DEFINISI SPA

Premis yang menawarkan perkhidmatan rawatan kesihatan dan kecantikan dengan cara rawatan urutan dan menyediakan jenis rawatan berasaskan air bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan fizikal, mental dan emosi.

1. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- a. Premis mestilah mempunyai premis yang berstruktur kekal;
- b. Premis hendaklah mempunyai Lesen Perniagaan/Lesen Operasi daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT);
- c. Semua produk yang digunakan telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM);
- d. Syarat minima permohonan penggredan spa adalah seperti berikut:
 - i. Hendaklah mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) katil urut (*massage bed*);
 - ii. Hendaklah menyediakan satu (1) jenis rawatan air;
 - iii. Hendaklah menawarkan sekurang-kurangnya satu (1) rawatan kecantikan muka;
 - iv. Hendaklah menawarkan perkhidmatan Urutan Malaysia; dan

- e. Menjadi ahli mana-mana persatuan spa yang diiktiraf oleh MOTAC seperti di **Lampiran A.**

2. DOKUMEN YANG DIPERLUKAN

- a. Salinan Lesen Perniagaan/Lesen Operasi daripada PBT yang masih berkuat kuasa;
- b. Salinan Sijil Keahlian Persatuan Spa yang diiktiraf oleh MOTAC dan masih berkuat kuasa;
- c. Senarai produk yang digunakan yang mendapat kelulusan *Notification of Product* (NOT) daripada KKM;
- d. Salinan sijil-sijil kelayakan juru terapi seperti berikut:

JURU TERAPI TEMPATAN	
KELAYAKAN	SUMBER PENGIKTIRAFAN
<p>Hendaklah dalam bidang urutan/rawatan kecantikan dan setara dengannya;</p> <p>ATAU</p> <p>Minimum satu (1) tahun ke atas dalam bidang urutan/rawatan kecantikan atau setara dengannya.</p>	<p>Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh mana-mana Institusi Kerajaan/Swasta yang diperakui oleh Kementerian Sumber Manusia (KSM);</p> <p>ATAU</p> <p>Mendapat surat pengesahan daripada majikan sebelum ini.</p>
<p>**Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) orang Juru Terapi Tempatan yang mempunyai Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia.</p>	

JURU TERAPI ASING	
BIDANG KELAYAKAN AKADEMIK	PENGIKTIRAFAN
Hendaklah dalam bidang urutan/rawatan kecantikan atau setara dengannya.	Sijil Kemahiran yang diiktiraf oleh Kerajaan Negara Asal dan pihak persatuan hendaklah mengesahkannya.

- e. Salinan kad pengenalan untuk juru terapi tempatan, passport dan permit kerja yang sah bagi yang mempunyai pekerja asing;
- f. Salinan **Training Manual** dan **Menu Rawatan**; dan
- g. Salinan pemeriksaan kesihatan untuk pekerja premis.

3. **TATACARA PERMOHONAN**

- a. Melengkapkan maklumat Borang Permohonan Penggredan Spa yang dimuat turun melalui sistem TOURLIST; dan
- b. Semua dokumen seperti yang dinyatakan di para 2 dan Borang Permohonan Penggredan Spa hendaklah dikemukakan ke Pejabat MOTAC Negeri berkenaan melalui sistem TOURLIST.

4. **FI YANG PERLU DIBAYAR**

Tiada fi dikenakan bagi permohonan penggredan buat masa ini.

5. **MEKANISME PENGGREDAN**

- a. Pemeriksaan premis akan dilakukan dalam **tempoh 30 hari bekerja** selepas permohonan penggredan yang lengkap diterima;

- b. Permohonan penggredan semula hendaklah dikemukakan **tiga (3) bulan sebelum** tarikh sijil penggredan tamat tempoh;
- c. Permohonan penggredan premis yang telah diperiksa dan lengkap akan dibawa ke **Mesyuarat Panel Penggredan Spa**;
- d. Surat keputusan permohonan penggredan **atau/dan** Sijil Penggredan akan diterima dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** selepas keputusan **Mesyuarat Panel Penggredan Spa** dikeluarkan;
- e. Pihak premis boleh mengemukakan **rayuan** dalam tempoh **21 hari bekerja** daripada tarikh surat keputusan dikeluarkan; dan
- f. MOTAC mempunyai kuasa pada bila-bila masa untuk **menarik semula penggredan** dan **menjalankan penggredan semula** sekiranya:
 - Premis kurang disenggara, kurang kelengkapan, kurang peralatan atau kurang tenaga kerja;
 - Kemudahan atau perkhidmatan yang disediakan oleh premis sudah merosot; dan
 - Perkara-perkara yang diambil kira semasa penggredan tidak lagi wujud.

6. **SIJIL PENGGREDAN SPA**

- a. Sijil Penggredan akan hanya dikeluarkan setelah permohonan penggredan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan dan boleh dicetak melalui sistem TOURLIST;
- b. Sijil Penggredan dicetak atas **nama premis dan alamat** seperti di Lesen Perniagaan/Lesen Operasi; dan
- c. Tempoh sah laku sijil penggredan tidak melebihi **tiga (3) tahun**.

7. PENGGANTIAN SIJIL PENGGREDAN

- a. Premis perlu mengemukakan surat rasmi berserta dengan justifikasi bagi tujuan pengeluaran sijil gantian atas sebab kehilangan atau kemusnahan sijil penggredan melalui sistem TOURLIST; dan
- b. Sijil penggredan baharu akan dikeluarkan bagi tujuan kehilangan atau kemusnahan sijil penggredan. Fi penggantian sijil penggredan sebanyak RM50.00 akan dikenakan sekiranya pemohon gagal mengemukakan sijil asal penggredan.

Nota: Pertukaran nama premis pada sijil penggredan boleh dibuat sekiranya tiada perubahan pengusaha premis. Namun penggredan baharu perlu dilaksanakan jika sebaliknya.

8. PERTUKARAN PEMILIK ATAU NAMA PREMIS

- a. Premis perlu mengemukakan permohonan penggredan baharu kepada Pejabat MOTAC Negeri melalui sistem TOURLIST; dan
- b. Sijil penggredan yang baharu akan dikeluarkan setelah permohonan diluluskan dan ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

9. KRITERIA PENILAIAN

- a. Sistem penarafan penggredan Bintang dinilai dan diaudit berdasarkan kepada kriteria mengikut sistem markah, kelengkapan premis, operasi, perkhidmatan serta kemudahan, produk, perhubungan pelanggan, pengurusan sumber manusia dan sebarang kriteria yang lain;
- b. **Keperluan minimum** bagi setiap kawasan kualiti masing-masing untuk premis adalah seperti di **Lampiran B**; dan

- c. Penarafan penggredan Bintang untuk setiap kriteria di bawah bidang kualiti adalah berdasarkan kepada keperluan semasa. Tahap penarafan Bintang, 1 hingga 5 Bintang, akan diberikan berdasarkan pemarkahan jumlah wajaran yang ditetapkan bagi setiap kategori Bintang.

10. PIAGAM KELULUSAN PERMOHONAN PENGGREDAN

- a. Di peringkat Pejabat MOTAC Negeri:
Laporan pemeriksaan penggredan (baharu/semula/penilaian sendiri) yang telah lengkap hendaklah dikemukakan kepada Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya dalam tempoh **14 hari bekerja** selepas tarikh pemeriksaan dilaksanakan.
- b. Di peringkat Ibu Pejabat MOTAC Putrajaya:
Sijil Penggredan dikeluarkan dalam tempoh **tujuh (7) hari bekerja** setelah ditandatangani oleh Pesuruhjaya Pelancongan.

11. TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan ini adalah berkuat kuasa mulai **1 Mac 2026**.

Bahagian Pelesenan dan Penguatkuasaan Pelancongan
Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya

**SENARAI PERSATUAN-PERSATUAN SPA DAN PUK YANG DIKTIRAF OLEH
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA**

1. *Malaysian Association Of Wellness & Spa (MAWSPA)*
2. *Association of Malaysian Spas (AMSPA)*

